

134

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI**
KAWASAN : **DUNGUN**
TARIKH : **2 APRIL 2018**
NO. SOALAN : **49**

SOALAN

Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pecahan pemegang pemilikan sebenar saham 50.1% dalam PROTON Holdings Berhad sedangkan saham milik Geely China hanya 49.9% boleh menawarkan diskaun 10% harga PROTON kepada Kesatuan Hokkien.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 23 Jun 2017, syarikat DRB-HICOM selaku pemilik PROTON telah memeterai perjanjian perkongsian strategik PROTON bersama Geely dengan penjualan ekuiti sebanyak 49.9% kepada syarikat China tersebut dan DRB-HICOM kekal sebagai pemegang ekuiti terbesar sebanyak 50.1%. Keputusan perniagaan PROTON adalah dilaksanakan secara kolektif antara pemegang ekuiti terbesar iaitu DRB-HICOM dan rakan kongsi strategiknya Geely.

Sepertimana yang umum ketahui, prestasi jualan PROTON telah merosot di mana syer pasaran PROTON telah menurun daripada

105

14.91% pada 2015 kepada 12.31% pada tahun 2017. Oleh itu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh PROTON bagi meningkatkan jumlah jualan syarikat.

Salah satu strategi dalam melariskan penjualan kenderaan adalah melalui penawaran diskaun korporat kepada syarikat atau organisasi yang membeli sejumlah kereta yang tertentu akan layak untuk menikmati harga penjualan korporat yang istimewa tertakluk kepada terma dan syarat antara syarikat-syarikat pengeluar kenderaan (OEM) dan entiti tersebut. Ia merupakan salah satu strategi pemasaran yang biasa diamalkan oleh OEM untuk melariskan penjualan kenderaan.

Menurut PROTON, pemberian diskaun kepada Kesatuan Hokkien bukanlah suatu kes istimewa, malah tawaran seperti ini merupakan sebahagian daripada dasar diskaun istimewa kepada pelanggan jualan korporat dan *fleet*, dan ia adalah amalan perniagaan biasa dalam industri automotif untuk menawarkan diskaun jualan korporat berdasarkan pembelian secara pukal dan jualan *fleet*. PROTON juga mempunyai pelan yang sama dengan pelbagai koperasi, persatuan dan organisasi korporat utama di Malaysia

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap perkembangan semasa PROTON sebagai sebuah projek kenderaan nasional kerana ia mempunyai impak besar kepada negara. Perkongsian strategik PROTON-Geely penting dalam usaha PROTON untuk mencapai transformasi demi kejayaan jangkamasa panjang dan bagi memulihkan prestasi perniagaan mereka.

Sekian, terima kasih.